



KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD 4958

**PERJANJIAN PEMBIAYAAN
SKIM PEMBIAYAAN DARIPADA ANGGOTA (SPDA)**

Perjanjian ini dibuat pada _____

ANTARA

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD (4958)

(selepas ini dirujuk sebagai "**Sekatarakyat**")

DAN

No. KP: _____ No. Anggota: _____

(selepas ini dirujuk sebagai "**Anggota**")

1. LATAR BELAKANG

- a. Sekatarakyat adalah sebuah koperasi yang ditubuhkan di bawah Akta Koperasi 1993.
- b. Anggota merupakan anggota sah Sekatarakyat dan bersetuju untuk memberikan pembiayaan kepada Sekatarakyat di bawah Skim Pembiayaan Daripada Anggota (SPDA).
- c. Perjanjian ini dimeterai selaras dengan kehendak Syariah, peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995, Undang-Undang Kecil Sekatarakyat serta Garis Panduan GP9 – Garis Panduan Mengenai Pengambilan Simpanan Khas dan Deposit atau Penerimaan Pinjaman/ Pembiayaan.

2. DEFINISI

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

"Pembiayaan" ertinya amaun pembiayaan yang diberikan oleh Anggota kepada Sekatarakyat di bawah skim ini.

"Kadar Keuntungan Pembiayaan" ertinya kadar keuntungan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Sekatarakyat dari masa ke masa dan dipersetujui dalam perjanjian ini.

"Tempoh Pembiayaan" ertinya tempoh masa pembiayaan sebagaimana dinyatakan dalam Klausula 4 Perjanjian ini.

3. AMAUN DAN TUJUAN PEMBIAYAAN

- a. Anggota bersetuju untuk memberikan pembiayaan kepada Sekatarakyat sebanyak RM_____.
- b. Pembiayaan ini diberikan bagi tujuan menyokong keperluan pendanaan bagi aktiviti patuh Syariah dan pengurusan kecairan Sekatarakyat secara patuh Syariah, sah dan berhemat.
- c. Pembiayaan ini direkodkan sebagai liabiliti Koperasi dan bukan merupakan simpanan, deposit atau pelaburan Anggota.

4. TEMPOH PEMBIAYAAN

- a. Tempoh pembiayaan adalah selama **12 bulan**, bermula dari tarikh penerimaan pembiayaan oleh Sekatarakyat.
- b. Tempoh ini boleh dipersetujui semula oleh kedua-dua pihak tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah Sekatarakyat dan dokumentasi tambahan yang berkaitan.

5. KADAR KEUNTUNGAN PEMBIAYAAN

- a. Kadar keuntungan pembiayaan bagi perjanjian ini adalah sebanyak _____% setahun, sebagaimana ditetapkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- b. Sebarang perubahan kepada kadar keuntungan tertakluk kepada persetujuan bertulis kedua-dua pihak.

6. KAEDAH DAN JADUAL BAYARAN PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA

- a. Sekatarakyat hendaklah membuat bayaran pembiayaan kepada Anggota mengikut jadual dan kaedah yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- b. Butiran jadual bayaran hendaklah dirujuk dalam Lampiran B – Borang Bayaran / Penyelesaian Pembiayaan.

7. TANGGUNGJAWAB SEKATARAKYAT

- a. Sekatarakyat bertanggungjawab mengurus dan menggunakan dana pembiayaan ini secara patuh Syariah, berhemat serta selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.
- b. Sekatarakyat hendaklah memastikan rekod pembiayaan ini diselenggara dengan teratur dan dipantau oleh pihak pengurusan, Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANGGOTA

- a. Anggota bersetuju bahawa pembiayaan ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada terma dan syarat Perjanjian ini serta Aturan Skim Pembiayaan Daripada Anggota.
- b. Bagi penyelesaian pembiayaan sebelum tarikh matang (kurang daripada tempoh 12 bulan), caj penalti sebanyak **1%** akan dikenakan ke atas kadar pulangan yang telah ditetapkan,. Di samping itu, pengiraan keuntungan pembiayaan akan dibuat secara **prorata**, berdasarkan tempoh sebenar pembiayaan yang telah dilaksanakan oleh anggota sehingga tarikh penyelesaian awal.
- c. Anggota memahami bahawa pembiayaan ini hanya boleh diselesaikan atau ditamatkan mengikut tempoh dan kaedah yang dipersetujui, tertakluk kepada pertimbangan serta kelulusan bertulis oleh Sekatarakyat.

9. KEMUNGKIRAN

- a. Sekiranya berlaku kegagalan bayaran oleh Sekatarakyat mengikut terma yang dipersetujui, perkara tersebut hendaklah dibincangkan secara baik antara kedua-dua pihak sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.
- b. Apa-apa tindakan lanjut adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

10. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

- a. Perjanjian ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
- b. Sebarang pindaan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- c. Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ini menjadi tidak sah, peruntukan lain hendaklah kekal berkuat kuasa.
- d. Pelaksanaan Perjanjian ini adalah tertakluk kepada pematuhan berterusan terhadap GP9 serta sebarang arahan atau keperluan tambahan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dari semasa ke semasa.

11. PENUTUP DAN PENGESAHAN

Dengan menurunkan tandatangan di bawah, **SEKATARAKYAT** sebagai **Penerima Pembiayaan** dan **ANGGOTA** sebagai **Pemberi Pembiayaan** dengan ini mengesahkan bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat yang terkandung dalam Perjanjian ini.

Ditandatangani oleh:

Bagi pihak Sekatarakyat (Penerima Pembiayaan)

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Anggota (Pemberi Pembiayaan)

Tandatangan : _____

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____